



**SEULAS BICARA,
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA merangkap
PENASIHAT PERSATUAN SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN (PSKK) UiTM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Sukan dan Kebajikan Kakitangan (PSKK) UiTM serta Pusat Sukan yang telah melaksanakan pelbagai program bagi manfaat kepada warga staf UiTM. Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kerana telah berjaya menghasilkan Manual Karnival Sukan Staf (KARiSTA).

Sepertimana yang kita sedia maklum, Karnival Sukan Staf UiTM atau lebih dikenali sebagai KARiSTA merupakan acara sukan tahunan staf UiTM. Bagi memastikan pelaksanaan KARiSTA berjalan lancar pada setiap tahun, maka pihak PSKK bersama Pusat Sukan telah mengambil inisiatif menerbitkan Manual KARiSTA sebagai panduan kepada setiap tuan rumah bagi menguruskan karnival sukan ini.

Diharapkan dokumen ini akan dapat digunakan oleh jabatan-jabatan dalam UiTM serta seluruh UiTM cawangan, seterusnya agensi-agensi kerajaan atau swasta yang memerlukan panduan bagi menganjurkan kejohanan sukan pada masa hadapan. Universiti Teknologi MARA melihat bahawa manual ini amat berguna dan dapat membantu pihak-pihak terlibat untuk memastikan penganjuran sesuatu karnival sukan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam penerbitan manual KARNIVAL SUKAN STAF (KARiSTA).

TAHNIAH!

Salam Hormat.

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor UiTM**